

12/12/2001

Yang di-Pertuan Agong ke-12 diumumkan hari ini

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Raja-Raja akan mengadakan mesyuarat khas di Istana Negara esok bagi memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong baru berikutan kemangkatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 November lalu.

Yang di-Pertuan Agong yang baru dan timbalannya dijangka diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat ke-191 itu selesai membuat pemilihan.

Istiadat melafaz sumpah jawatan dan menandatangani surat perisytiharan memegang jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong ke-12 dijangka berlangsung di Istana Negara keesokannya.

Mengikut Artikel 33 (3) Perlembagaan Persekutuan, jika berlaku sebarang kekosongan jawatan Yang di-Pertuan Agong, maka jawatan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, akan turut tamat tempohnya.

Jawatan Yang di-Pertuan Agong kini dipangku Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin yang sebelum itu Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Berdasarkan sistem giliran pusingan kedua yang berjalan sekarang, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin paling layak dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, iaitu selepas Sultan Selangor.

Bagaimanapun, keputusan muktamad bergantung kepada Majlis Raja-Raja sendiri.

Dalam sistem giliran pusingan pertama, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dipilih Yang di-Pertuan Agong pertama diikuti Sultan Selangor, Raja Perlis, Sultan Terengganu, Sultan Kedah, Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Sultan Johor dan Sultan Perak.

Dr Mahathir baru-baru ini berkata, terpulang kepada Majlis Raja-Raja yang terdiri daripada sembilan Raja Melayu untuk memilih calon bagi jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Perdana Menteri dipetik sebagai berkata, Majlis Raja-Raja mempunyai kebebasan penuh untuk membuat pilihan, walaupun berdasarkan sistem giliran, Raja Perlis, menjadi Yang di-Pertuan Agong baru.

Bagaimanapun, katanya, ada juga Sultan atau Raja yang mempunyai kedudukan paling kanan dari segi hierarki untuk dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong, tidak berminat menjawat jawatan berkenaan.

"Ini terpulang kepada Raja-Raja. Gabenor tidak terbabit, saya tak terbabit.

Mereka ada mesyuarat sesama mereka dan mereka putuskan siapa jadi (Yang di-Pertuan) Agong dan siapa Timbalan.

"Terpulang kepada mereka nak pilih. Kalau nak kira giliran, kali ni (Raja) Perlislah.

"Dulu ada yang senior, tetapi tak berminat nak jadi (Yang di-Pertuan Agong). Macam Johor, dia tak berminat... Perak pun demikian," kata Perdana Menteri.

(END)